

# WADDAH

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
<http://umplibrary.ump.edu.my>



## MENARIK DI DALAM:

- Cara Memulakan Kelab Buku
- Forum Kemanisan Sebenar dalam Kesihatan
- Peranan Perpustakaan dalam Penarafan Universiti
- XPDC Cinta Gunung Kinabalu



# Isi Kandungan

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
● Bicara Ketua Pustakawan	2
● Fenomena Perubahan Iklim: Tanda Kiamat sudah Dekat?	3
Keperluan Kemaskini Akaun Peribadi	
● Klik dengan Bijak	4
● Cara Memulakan Kelab Buku	5
● Kemanisan Sebenar dalam Kesihatan	6
Pameran Legasi Kepimpinan	7
● Legasi Tun Abdul Razak dan Dato Seri Najib	
● Perkongsian Maklumat & Kursus Pengurusan Perpustakaan	8
● Peranan Perpustakaan dalam Penarafan Universiti	9-10
● Lawatan & Kelas Pendidikan Pengguna	11-12
Bengkel Perancangan QE (Amalan 5S) Perpustakaan	13
● Pencerahan Pelan Strategik UMP (2016-2020)	
● Percutian Santai di Pulau Perhentian	14
● Berkayak Eratkan Ukhwah, Tautkan Mahabbah	
XPDC Cinta Gunung Kinabalu	15
● Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan	16
Hadiah Persekitaran Berkualiti (QE)	

## Info Staf Sidang Redaksi

**PENASIHAT**

Tuan Haji Ruslan Che Pee

**EDITOR**

Siti Aishah Ghani

**EDITOR JEMPUTAN**

Safiriza Baharudin

**REKA BENTUK GRAFIK**

'Arifah Nadiyah Che Zainol Ariff

Nurul Ain Shahira Suhaimi

Nurul Amanina Lokman

**JURUFOTO**

Nik Ahmad Nasyrun Nik Abd Malik

Muhamad Firdaus Janih @ Jaini

**PENGARANG/ PEMBERITA**

Kamariah Gono

Mohd Arifin Abdul Aziz

Nurul Ain Shahira Suhaimi

Nurul Amanina Lokman

Mohd Esuadi Mustaffa

'Arifah Nadiyah Che Zainol Ariff

Iswan Akim Ismail

**KAMPUS PEKAN**

**PENTADBIRAN**

Perpustakaan

Universiti Malaysia Pahang,

Kampus Induk,

26600 Pekan, Pahang.

Tel: 09-424 5639

Faks: 09-424 5666

**UNIT PENGURUSAN KUALITI & LATIHAN**

Pn. Siti Aishah Ghani

Tel: 09-424 5604

**UNIT AUTOMASI**

Cik Amelia Hasan

Tel: 09-424 5606 (P) / 09-549 3142 (G)

**UNIT SIRKULASI & UNIT MEDIA**

En. Iswan Akim Ismail

Tel: 09-424 5607

**UNIT RUJUKAN**

En. Ahmad Nurudin Abd Nasir

Tel: 09-424 5650

En. Muhammed Fawwaz Abdul Rasid

Tel: 09-424 5651

**UNIT PEROLEHAN**

Cik Rohaida Mohamad Idaris

Tel: 09-424 5608

**UNIT KATALOG**

Pn. Nazatul Shima Baroji

Tel: 09-424 5656

Pn. Wan Nurulhuda Wan Zakaria

Tel: 09-424 5636

**UNIT TERBITAN BERSIRI & DOKUMENTASI**

Pn. Affida Abu Bakar

Tel: 09-424 5609

**UNIT PENGURUSAN ILMU**

Pn. Noorul Farina Ariffin

Tel: 09-424 5605

**UNIT DIGITAL**



# Bicara Ketua Pustakawan



Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Sekali lagi kita mengatur syukur kehadiran Allah SWT kerana dapat bertemu dalam rangka penerbitan WADAH perpustakaan bagi tahun 2016. Matlamat penerbitan buletin ini adalah sebagai salah satu medium penyampaian maklumat perpustakaan kepada pengguna. Selain itu, WADAH juga sebagai satu medan yang membolehkan staf perpustakaan terus berkarya secara kreatif, inovatif dan santai.

Para pembaca yang dhormati,

Perpustakaan UMP telah beroperasi hampir 14 tahun. Bermula dengan fasa pembentukan asas pada awal penubuhannya pada tahun 2002, kini Perpustakaan UMP telah memasuki fasa menjana kecemerlangan. Kewujudan dua buah Perpustakaan UMP sama ada di Kampus Induk Pekan dan Kampus Cawangan Gambang, perlu dirasai bukan sahaja kepada warga UMP, malahan kepada komuniti tempatan. Dengan perkataan lain, masyarakat tempatan turut sama menikmati perkhidmatan maklumat dan kemudahan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan UMP.

Menerusi perkembangan teknologi web2.0 dalam era *digital library*, membolehkan pengguna mudah untuk mengunjungi perpustakaan. Kunjungan pengguna ke perpustakaan sama ada secara fizikal atau pun secara maya. Hari ini, profesion kepustakawanan dan peranan pustakawan semakin mencabar. Perpustakaan UMP perlu melakukan perubahan drastik akan peranan dan infrastruktur perpustakaan. Perubahan ini perlu supaya perpustakaan dan pustakawan tetap relevan dan tidak terpinggir. Pustakawan dan profesional maklumat perlu mengambil peranan dalam mentransformasikan masyarakat tempatan supaya lebih kreatif dan inovatif. Bagi maksud tersebut, Perpustakaan UMP perlu menilai semula peranannya bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan melebihi skop dan sempadan di universiti dan terus mendekati masyarakat. Beberapa dasar dan polisi bagi sebuah perpustakaan akademik atau perpustakaan universiti perlu dinilai semula mengikut kesesuaian masa agar dapat beradaptasi dengan persekitaran.

Akhir kata, Perpustakaan UMP perlu membuat perancangan sistematik dan strategik supaya kewujudannya di Pekan dan di Gambang dapat memberikan “*high impact*” kepada semua lapisan masyarakat. Semoga cita-cita Perpustakaan UMP yang ingin menjadi sebuah “hub pendidikan” di Zon Pantai Timur ini dapat direalisasikan.

Sekian.

## FENOMENA PERUBAHAN IKLIM: TANDA KIAMAT SUDAH DEKAT?

Pada 26 Februari 2016 telah berlangsungnya ceramah yang bertajuk “*Fenomena Perubahan Iklim: Tanda Kiamat Sudah Dekat?*” yang dikendalikan oleh PIMPIN dengan kerjasama pihak Perpustakaan UMP.

Hampir 150 orang peserta telah menghadiri ceramah ini yang diadakan di Sudut Bicara Ilmu, Aras 3 Perpustakaan UMP Pekan.

Perubahan iklim yang berlaku di Malaysia ini seringkali menimbulkan tanda tanya adakah ianya akibat pemanasan global atau sebaliknya.

Justeru, Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Dr. Mohd Hisyam telah dijemput bagi mengulas persoalan tentang perubahan iklim ini dari

*Disediakan oleh: 'Arifah Nadiah Che Zainol Ariff*



*Dari kiri: Ustaz Ahmad Irfan, Dr. Mohd Hisyam dan moderator*

Menurut Dr. Mohd Hisyam, tindakan rakus manusia dalam aktiviti pembalakkan bagi membina bangunan dan perumahan merupakan faktor utama perubahan iklim yang sedang berlaku di Malaysia manakala Ustaz Ahmad Irfan pula tidak menafikan perubahan iklim ini juga merupakan peringatan Allah SWT kepada umatnya di muka



*Taklimat pembukaan oleh Unit Pengurusan Ilmu*



*Sesi penerangan daripada Puan Faizatul Nadia*

## KEPERLUAN KEMAS KINI FAIL PERIBADI

Tahukah anda pentingnya seseorang staf mengemas kini akaun peribadi? Puan Faizatul Nadia berkongsi pengalaman beliau berkenaan isu ini.

Akaun peribadi di Unit Pentadbiran Perpustakaan boleh dijadikan sebagai rekod sandaran jika berlaku apa-apa perkara yang tidak diingini seperti banjir kebakaran dan lain-lain.

Walaupun Bahagian Pengurusan Sumber Manusia UMP mengendalikan sistem pengurusan rekod peribadi dalam aplikasi *Human Resource Management Information System* (HRMIS), salinan dokumen persendirian amat penting bagi staf untuk menyimpannya di Unit Pentadbiran Perpustakaan.

Beliau turut menyenaraikan dokumen yang perlu dihantar ke Unit Pentadbiran. Antaranya adalah maklumat peribadi, maklumat keluarga, maklumat pengalaman kerja, salinan sijil-sijil akademik atau kursus.

# KLIK DENGAN BIJAK

Disediakan oleh: 'Arifah Nadiah Che Zainol Ariff



Sempena Majlis Perpisahan Noor Asma Bt Akhir, satu perkongsian ilmu bertajuk “Klik dengan Bijak” telah diadakan pada 29 Mac 2016.

“Klik Dengan Bijak” merupakan satu program yang membudayakan penggunaan internet secara positif berdasarkan tiga aspek iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab.

Ketiga-tiga aspek ini menitikberatkan bagaimana kita mengawal selia sendiri (*self-regulation*) dalam mengatasi masalah penyalahgunaan internet.

Noor Asma mengambil satu contoh klik dengan bijak dengan memilih tajuk “*Buli Siber*”. Pempulian siber adalah perkara-perkara bertulis atau dalam bentuk gambar yang dipaparkan di alam siber bagi tujuan menghina atau memperlekehkan orang lain. Ia dihantar melalui e-mel, laman sembang (chat), laman sesawang dan apa jua aplikasi (*apps*) komunikasi atas talian yang lain.

Beliau turut berkongsi video yang memaparkan apa itu buli siber. Hal yang demikian sedikit sebanyak dapat memberi kesedaran kepada kita semua yang hadir.

Untuk maklumat lanjut sila layari web Klik Dengan Bijak di <http://>

Kalau ada sumur diladang,  
Boleh saya menumpang mandi.  
Kalau ada umur yang panjang,  
Boleh kita berjumpa lagi.



Cik Noor Asma menerangkan apa itu klik dengan bijak.



Antara staf yang hadir



Sesi penyampaian cenderahati oleh Encik Dzull



# Cara Memulakan Kelab Buku

Disediakan oleh: Mohd Arifin bin Abdul Aziz  
Pustakawan

Ingin bertemu dengan beberapa watak yang menarik? Bacalah buku. Sekiranya ingin bertemu dengan beberapa watak sebenar kehidupan yang menarik pula? Tubuhkanlah kumpulan buku! Kumpulan buku atau "kelab buku" merupakan cara yang baik untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan dan bertemu orang baharu sambil meneroka dan membincangkan hobi berkaitan buku.

Apa lagi, keahlian dalam kumpulan buku boleh membantu anda kekal bermotivasi untuk membaca jika anda mempunyai kesukaran mencari masa untuk membuka buku. Jika anda tidak berjaya mencari satu kumpulan di kawasan anda, mungkin sudah tiba masanya memulakan dengan sembilan langkah berikut:

## 1. Kenalpasti keperluan anda

Tetapkan kriteria tertentu untuk kelab contohnya perbincangan fiksyen sains sahaja atau hanya bertemu pada hari Khamis dan sebagainya.

## 2. Cari lokasi untuk perjumpaan awal

Anda biasanya boleh menempah ruang secara percuma di pusat-pusat komuniti, perpustakaan, atau kedai buku untuk membolehkan anda mengadakan mesyuarat anda di sana. Adalah lebih baik jika anda boleh mencari tempat sesuai untuk mengadakan mesyuarat tetap.

## 3. Edarkan flyer

Hebahkan masa dan tempat mesyuarat pertama dan maklumat lain yang berkaitan. Edarkan flyer di kedai-kedai buku dan letakkan di papan buletin komuniti. Anda juga boleh mengiklankan secara atas talian pada laman sosial seperti muka buku (*facebook*) dan blog. Pastikan anda menjelaskan bahawa tujuan kumpulan itu adalah untuk membincangkan perkara berkaitan buku.

## 4. Persediaan borang

Untuk mesyuarat pertama kali, hendaklah terdapat sekurang-kurangnya dua perkara dalam satu borang iaitu, "Buku Cadangan" serta "Hosting dan Jamuan Ringan". Rekod nama hadirin dan butiran kenalan. Untuk mesyuarat yang berikutnya, masukkan ruangan "Akan Datang" atau jadual bacaan untuk dua atau tiga mesyuarat yang akan datang. Borang ini perlu diisi oleh setiap ahli mesyuarat.

## 5. Agenda dan pengenalan pada mesyuarat pertama

Jika ahli tidak mengenali antara satu sama lain, memperkenalkan diri masing-masing. Sepanjang perkenalan, edar borang di sekitar supaya setiap orang boleh menulis cadangan buku dan mendaftar untuk membawa minuman atau menjadi tuan rumah.

## 6. Bincangkan kekerapan dan lokasi kumpulan itu akan bertemu lagi

Beberapa isu yang perlu dibincangkan adalah:

- \* Menetapkan peraturan mengenai buku-buku, seperti harga atau kandungan.
- \* Harapan dan tanggungjawab ahli.
- \* Polisi atau peraturan kumpulan.
- \* Mengalukan ahli membawa tetamu untuk membina keahlian kelab buku.
- \* Cari orang baru menyertai, atau hadkan saiz kumpulan. Saiz yang paling sesuai kurang dari 10. Jika tidak, ahli tidak berpeluang untuk berbincang dan menyumbang.

## 7. Membuat keputusan mengenai buku pertama yang dibaca

Cara paling mudah adalah memilih satu buku, seperti buku semasa terlaris. Mohon jasa baik membawa cadangan mereka sendiri dan sebarang ulasan luaran yang mungkin membantu memaklumkan ahli-ahli lain dalam 'book group' ini. Dalam pertemuan itu ahli perlu mengundi tiga judul buku akan datang dan ini memberikan ahli sedikit masa untuk mencari dan membaca buku tersebut.

## 8. Memilih nama kelab pada akhir mesyuarat pertama

Ini akan menjadikan kelab buku yang lebih rasmi dan ahli akan merasa seperti mereka benar-benar dimiliki. Jangan tergesa-gesa memilih nama dan benarkan ahli mencadangkan idea-idea dan diundi oleh semua orang.

## 9. Adakan jamuan dan perbualan

Biarkan setiap orang berbual dan menikmati acara tersebut. Pastikan anda bercakap dengan setiap orang supaya mereka selesa dan akan menyumbang dalam kumpulan.



Gambar sekadar hiasan



*Peserta khusyuk mendengar forum yang disampaikan*



*Dari kiri: Dr. Mohd Farid Alias, Meriam Bidin & moderator*

## “FORUM KEMANISAN SEBENAR DALAM KESIHATAN”

Pada 24 Mac 2016 yang lalu, satu forum perkongsian ilmu bertajuk “Kemanisan Sebenar Dalam Kesihatan” telah dianjurkan oleh Unit Pengurusan Ilmu (KM) Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Seramai 100 orang peserta terdiri dari organisasi luar dan pelajar sekolah telah menyertai forum ini.

Dua orang panel jemputan iaitu Dr. Mohd Farid Alias dari Public Health Practitioner & Occupational Health Doctor dan Puan Meriam Bidin dari Jabatan Dietetik & Sajian, HTAA, Kuantan. Forum tersebut bertujuan menyokong Kempen Gaya Hidup Sihat yang dianjurkan oleh UMP.

Melalui forum tersebut, panel telah menerangkan dengan lebih terperinci tentang kepentingan amalan gaya hidup sihat dan bagaimana mendapatkan kemanisan sebenar dalam kesihatan. Banyak maklumat yang telah diperolehi oleh peserta di mana amat penting untuk merancang pemakanan yang seimbang supaya dapat menikmati kesihatan yang sempurna.

Selain forum, sebanyak sepuluh buah gerai telah dibuka melibatkan jualan tudung, pakaian, makanan, barangan elektronik dan sebagainya. Peserta juga boleh mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara percuma dari Darul Makmur Medical Center (DMMC) dan IIUM Breast Cancer.



*Gerai jualan di lobi perpustakaan*



*Peserta mendapatkan pemeriksaan kesihatan*



# Pameran Legasi Kepimpinan

*Tun Abdul Razak*

*Disediakan oleh: Iswan Akim Ismail*

*&*

*Dato' Sri Mohd Najib*

*Tun Haji Abdul Razak*



Lokasi : Perpustakaan UMP Pekan

Tarikh: 10 March - 30 April 2016

Dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak pada 21 Februari 2016, bersempena Majlis Perasmian Kampus Utama Universiti Malaysia Pahang.

Cetusan idea oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Tujuan pameran bersempena genap 40 tahun penglibatan Perdana Menteri dalam arena politik.





## **PERKONGSIAN MAKLUMAT & KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN**

*Disediakan oleh: Cik Kamariah Gono*

Dua pustakawan dari Perpustakaan UMP telah dilantik menjadi penceramah dalam kursus anjuran Perpustakaan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS). Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan/Pusat Maklumat ini diadakan pada 30 hingga 31 Mac 2016 dan dihadiri oleh 22 orang Pembantu Perpustakaan dan Pustakawan dari pelbagai agensi. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta tentang bidang kepustakawanan serta latihan khusus dalam bidang yang berkaitan.

Dalam kursus tersebut, Timbalan Ketua Pustakawan, Kamariah Gono diberi dua slot kursus bertajuk “Pengurusan Pentadbiran Perpustakaan” dan “Pengkatalogan Bahan Monograf dan Media”. Manakala Pustakawan Unit Perolehan, Rohaida Mohamad Idris pula telah menyampaikan ceramah bertajuk “Perolehan Bahan-bahan Perpustakaan”.




*Cik Kamariah menyampaikan ceramah*



*Peserta dan penceramah yang terlibat*



*Peserta khusyuk mendengar ceramah yang disampaikan*



# SUMBANGAN PERPUSTAKAAN DALAM PENARAFAN UNIVERSITI

Disediakan oleh: Kamariah Gono

Timbalan Ketua Pustakawan

## Pengenalan


Penarafan Instituti Pengajian Tinggi (IPT) bermula pada 1983 apabila laporan mengenai kolej terbaik di Amerika Syarikat dikeluarkan oleh US News and World Report<sup>1</sup>. Kewujudan pelbagai sistem bagi mengukur kelebihan dan kehebatan sesebuah universiti menunjukkan betapa penarafan universiti menjadi satu tren yang dikejar oleh kebanyakan universiti di dunia. Justeru tidak hairanlah sekiranya penarafan universiti merupakan salah satu agenda yang dipandang serius oleh kerajaan bagi meningkatkan prestasi akademik dan penyelidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia di mata dunia.

Terdapat pelbagai sistem penarafan di peringkat antarabangsa mahupun nasional bagi mengukur prestasi dan pencapaian sesebuah universiti. Antaranya adalah sistem penarafan universiti antarabangsa seperti *QS World University Ranking*, *Times Higher Education World University Ranking (THES)*, *Webometrics Ranking of World Universities*, *Academic Ranking of World University (ARWU)*. Manakala sistem penarafan universiti tempatan seperti Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Bagi menjana data-data ini, perpustakaan telah diberi tanggungjawab untuk menyemak, menganalisa dan menyediakan data-data penerbitan penyelidikan bagi membolehkan pengukuran secara kuantitatif dilakukan. Di Malaysia umumnya, proses analisa data penerbitan penyelidikan menggunakan pangkalan data SCOPUS iaitu pangkalan data bibliografik yang mengandungi sitasi dan abstrak artikel yang diterbitkan dalam

Kedua pangkalan data ini adalah yang paling popular digunakan bagi mendapatkan jumlah artikel yang diindeks serta jumlah sitasi.

Bagi tujuan penjanaan data-data tersebut, Perpustakaan UMP menggunakan pangkalan data Scopus memandangkan pangkalan bilangan jurnal yang diindeks dalam Scopus lebih menyeluruh berbanding WOS. Tujuan penilaian pada jurnal/artikel serta jumlah sitasi ini dilakukan adalah untuk melihat impak penerbitan



Contoh laman sesawang sistem penarafan

## Perpustakaan Sebagai Pengurus Data Penerbitan

Kebanyakan sistem penarafan antarabangsa seperti QS Ranking, THES, Webometrics dan lain-lain mengambil data jumlah sitasi (*citation*) dalam jurnal sebagai salah satu indikator yang diukur dalam membuat penilaian sesebuah universiti.

#	Citation	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
		Doc. Type	Medium	Source	Cited	Faculty	Other Inst.	IF	Format	Quantile		DOI
1	Ibrahim, H., & Yusoff, M. M. (2007) Plant-based herbicidal remediation for hypertension	AJ	J	Woa	0	FKUSA	Univ Malaysia Fac. of Inas-BerBio	2.948	0020-9949	Q2		
2	Sekhar, Y. R., Sharma, K. M., Nelli, M. T., & Sander, L. S. (2012).	AI	J	Scopus	1	FWM	Centre for Energy Studies,	1.7532507				10.1104/MP.2012.049918
3	Liu, C., Li, J., Li, Y., Zhou, Y., & Nordin, M. R. B. (2012). An	AJ	J	Scopus	3	FIST	Key Laboratory of Catalysis and	2.562	20462069	Q2		10.1039/c2ra20674a
4	Lim, K. S., Buayamin, S., Ahmed, K., & Ibrahim, Z. (2012). An improved	CP	P	Scopus	1	FREE	Faculty of Electrical		978-078954730-5			10.1109/WMS.2012.29
5	Sargutbayev, A., Ali, B. M., & Khatun, S. (2012). A cross layer metric for	AJ	J	Scopus	2	FSWXP	Department of Computer and	0.418	9286212	Q4		10.1007/s11277-011-9333-4
6	Mukhlis, M. Z. B., Khan, M. R., Bhouaric, M. C., & Paul, S. (2012).	AJ	J	Scopus	4	FKUSA	Department of Chemical	1.748	466979	Q2		10.1007/s11270-011-1249-7
7	Xie, W., Zhang, Y., Liu, X., & Li, L. (2011). Effect of catalyst	AJ	J	Scopus	6	NOTUMP	South-Central University for	1.937	16747291	Q3		10.1007/s11426-011-4707-2


Contoh analisis data penerbitan diekstrak dari Scopus

Selain dari penjanaan data artikel berindeks dan sitasi dari Scopus, UMP Institutional Repository (UMPIR) turut memainkan peranan dalam mengumpul dan menyebarkan penerbitan yang tidak atau belum diterbitkan. UMPIR merupakan pangkalan data yang dibangunkan oleh Perpustakaan UMP dalam usaha mengumpul, memelihara dan menyebarkan hasil ilmiah universiti.

Melalui program UMPIR awareness, Perpustakaan UMP mendapat kerjasama dari para akademik untuk memuatnaik penulisan ilmiah iaitu kertas persidangan dan bab dalam buku. Ini termasuklah mengimbas bahan-bahan penerbitan lain yang boleh memberi impak kepada universiti seperti penulisan asli dalam buletin, majalah dan akhbar yang dihasilkan oleh staf UMP.

Maklumat yang disimpan dalam UMPIR boleh diakses seluruh dunia dan secara tidak langsung visibility serta imej universiti dapat ditingkatkan. Faktor visibiliti penerbitan dan kepakaran





UMPIR – <http://umpir.ump.edu.my>

## Peranan Perpustakaan Meningkatkan Jumlah Penerbitan Berindeks Atas Talian

Pelbagai kaedah digunakan oleh sistem penarafan dunia berkaitan dengan penerbitan hasil penyelidikan seperti jadual di bawah

Peratus Sumbangan Sitasi berdasarkan Sistem Penarafan

Sistem Penarafan	Metod	%
QS World University Ranking <sup>3</sup>	Jumlah sitasi per artikel	15
Times Higher Education World University Rank-	Jumlah sitasi	30
Webometrics Rangkings of World Universities <sup>5</sup>	Jumlah sitasi per artikel (Excellence)	15
Academic Ranking of World University (ARWU) <sup>6</sup>	Jumlah artikel diindeks dalam Science Citation dan Social Science Citation	20

Meneliti beberapa metod yang digunakan oleh sistem penarafan universiti antarabangsa, kebanyakan kriteria yang diambil kira dalam penarafan adalah indikator sitasi penerbitan yang diindeks sama ada dalam *Scopus* atau *WOS*. Ia menunjukkan pemberat antara 15%-30% (bergantung kepada jenis sistem penarafan).

Selain *Scopus* dan *WOS*, sistem penarafan seperti *Webometrics* mengambil kira *Google Scholar* dan *Research ID* bagi menunjukkan kriteria *presence* yang memerlukan capaian penerbitan melalui laman-laman web.

Sekiranya pendedahan penerbitan *online* melalui *Scopus*, *WOS* dan *Google Scholar* mahupun aktiviti muatnaik penerbitan ke dalam UMPIR ini kurang diberi perhatian oleh ahli-ahli akademik, Perpustakaan perlu memainkan peranan yang aktif bagi memberi mereka kesedaran tentang hubungkait penerbitan hasil penyelidikan dengan penarafan universiti.

Antara peranan perpustakaan dalam meningkatkan jumlah penerbitan berindeks adalah:

- 1 Memberi pemahaman kepentingan penerbitan atas talian melalui pangkalan data *Scopus*, *ISI-WOS* mahupun *Google Scholar* melalui bengkel-bengkel kesedaran.
- 2 Pustakawan perlu mengemas kini pengetahuan berkaitan isu-isu impak faktor jurnal, pengiraan jumlah kumulatif sitasi, h-index, kemahiran pencarian maklumat dalam internet dan sebagainya bagi tujuan menjadi pakar rujuk
- 3 Menyediakan garis panduan penilaian terhadap jurnal-jurnal yang berimpak tinggi bagi membantu para penyelidik menerbitkan hasil penulisan ke dalam jurnal-

## Kesimpulan

Isu penarafan universiti merupakan isu yang masih diperdebatkan mengenai pro dan kontra. Namun, sebagai sebuah organisasi yang menjadi tulang belakang kepada proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan, perpustakaan mesti bersedia untuk berdepan dengan pembaharuan dan segala kemungkinan dalam dunia akademia.

## Rujukan

1. Lukman, R., Krajnc, D. & Glavič, P. 2010. University ranking using research, educational and environmental indicators. *Journal of Cleaner Production*, 18, 619-628.
2. Mohamed Nor Azhari, Taksiah A. Majid, Mohd. Sanusi S. Ahmad. Strategi penerbitan atas talian dalam meningkat penarafan universiti : kes USM. *Higher Education FERPA Bulletin* 01/2014 23, 5-19.
3. QS University Rankings: Asia – Methodology
4. <http://www.timeshighereducation.co.uk/world-university-rankings/2013-2014/world-ranking/methodology>
5. <http://www.webometrics.info/en/Methodology>



*Peserta taklimat pangkalan data*



*Peserta mempelajari asas penggunaan pangkalan data*

## KELAS PENGGUNA PANGKALAN DATA

### “Kelas Latihan Pangkalan Data Science Direct & Mendeley”

Tarikh : 2 Mac 2016

Tempat : Makmal Komputer, Perpustakaan UMP

Bil. Peserta : 35 orang

Penceramah : Ms. Ling Yu Lang (wakil Elsevier)

#### Tujuan program

1. Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan peserta mengenai fungsi pangkalan data.
2. Mempelajari asas pengetahuan pencarian maklumat menggunakan kaedah tertentu dengan lebih efektif.
3. Membantu dan memberi manfaat kepada peserta untuk mencari maklumat dengan betul dalam melakukan kajian pada masa hadapan.

## PROGRAM CERAMAH MOTIVASI DI SMK UBAI

Tarikh : 19 Februari 2016

Tempat : Pusat Sumber SMK Ubai

Bil. Peserta : 30 orang

Penceramah : En. Dzulil Zabarrood, En. Ahmad Nuruddin, En. Muhammed Fawwaz (wakil Perpustakaan UMP)

#### Tujuan program

1. Memberi sedikit motivasi kepada pengawas pusat sumber bagi memupuk minat dalam pengurusan pusat sumber.
2. Menyemai sifat bertanggungjawab dalam kalangan mereka untuk melicinkan lagi pengurusan pusat sumber dengan berkesan.
3. Mempelajari kemahiran dan kepakaran mengenai



*Peserta mendengar ceramah daripada wakil perpustakaan*



*Sebahagian daripada peserta yang terlibat*



## LAWATAN PENGGUNA

Tarikh : Februari & April 2016

Pelawat : 1) MRSM Tun Abdul Razak, Pekan

(25 FEBRUARI 2016)

2) SK Chini 1 & 4 (6 APRIL 2016)

### Tujuan lawatan:

1. Mendedahkan kepada murid sekolah tentang fungsi sebenar perpustakaan.
2. Menjelaskan tentang maksud sebenar perpustakaan dalam pencarian bahan dan maklumat.
3. Memberi pengetahuan kepada murid sekolah tentang tugas-tugas di perpustakaan.
4. Memberi peluang kepada pelajar meninjau keadaan sebenar perpustakaan berbanding perpustakaan di sekolah.



*Taklimat ringkas disampaikan oleh wakil perpustakaan*



*Demonstrasi penggunaan peralatan media*



*Fasilitator dan pelajar sekolah yang terlibat*



*Pelajar melawat pameran legasi*



*Pelajar mencuba permainan disediakan di perpustakaan*

# *Pencerahan Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang (2016-2020)*

PENCERAMAH : YH Profesor Dato' Dr. Ishak bin Ismail, Penolong Naib Canselor Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK)

HARI : Jumaat

TARIKH : 13 Mei 2016

MASA : 9.00 - 11.00 pagi

TEMPAT : Sudut Bicara Ilmu, Aras 1 Perpustakaan Pekan

PESERTA : Staf perpustakaan Pekan & Gambang

TUJUAN :

Pencerahan kepada staf perpustakaan mengenai lima Lonjakan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UMP.



## **BENGGKEL PERANCANGAN QE (Amalan 5S)**

### **PERPUSTAKAAN**

Pada 26 April 2016 perpustakaan telah mengadakan bengkel perancangan Amalan 5S bertempat di Bilik Seminar Perpustakaan Pekan.

Bengkel sehari ini melibatkan 25 ahli Jawatankuasa Amalan 5S Perpustakaan Pekan dan Gambang bagi sesi 2016-2017.

Perpustakaan mengadakan bengkel ini setiap dua kali setahun atau setiap kali perubahan Jawatankuasa Amalan 5S Perpustakaan.

Pengerusi Jawatankuasa Amalan 5S, Puan Siti Aishah berharap jawatankuasa yang ada dapat menyuntik semangat dan meneruskan kegemilangan sepanjang lebih lapan tahun penglibatan perpustakaan dalam Amalan 5S. Jawatankuasa Amalan 5S diterajui oleh dua orang penyelaras iaitu Encik





# PERCUTIAN SANTAI di Pulau Perhentian

*Disediakan oleh : 'Arifah Nadiyah Che Zainol Ariff*



*Sebahagian staf Perpustakaan UMP mengikuti percutian ini bersama keluarga.*

Pulau Perhentian yang terletak di negeri Terengganu merupakan salah satu pulau di Malaysia yang menjadi tarikan pelancong dari dalam mahupun luar negara.

Tidak mahu melepaskan peluang yang ada, kelab Perpustakaan UMP telah memilih Pulau Perhentian sebagai destinasi percutian dan beriadah pertama pada 30 Mac 2016.

Aktiviti sebegini dapat mengeratkan lagi silaturahim di antara staf Perpustakaan UMP. Selain itu, mereka juga dapat meluangkan masa bersama keluarga yang tersayang.

Pelbagai aktiviti menarik yang dijalankan sepanjang tiga hari

Air yang jernih membolehkan lagi kami melihat keindahan ciptaan Allah SWT yang tidak ternilai. Pelbagai jenis ikan dapat disentuh sendiri secara langsung! Bagi yang pertama kali merasainya pasti menjadikan ia sebuah kenangan manis untuk dikenang.

Diharapkan percutian kali ini dapat memberi pengalaman yang menarik untuk semua yang menyertainya. Nantikan lagi pelbagai aktiviti Kelab Perpustakaan UMP menanti untuk



*Menikmati pemandangan pulau dengan menaiki bot.*



*Aktiviti wajib bila ke Pulau Perhentian, bermandi manda!*

## Berkayak Eratkan Ukhwah, Tautkan Mahabbah

Pada 29 April-1 Mei 2016, seramai 18 orang staf perpustakaan telah mengikuti aktiviti berkayak di Tasik Kenyir, Terengganu. Aktiviti ini diketuai oleh Azhar Wahab selaku penganjur yang merupakan Jurulatih Kayak Kokurikulum.

*Disediakan oleh: Nurul Ain Shahira Suhaimi*

Berkayak sejauh 8 kilometer dan mengambil masa selama tiga jam untuk pergi dan balik dapat meningkatkan kemahiran berkayak para peserta. Aktiviti sebegini juga telah merapatkan hubungan silaturahim di dalam kalangan staf dan dapat mengenal hati budi masing-masing. Selain itu, dapat juga menguatkan stamina





# XPDC CINTA GUNUNG KINABALU

## RINGKASAN PENDAKIAN

- ◆ Tempoh pendakian biasa ialah selama 3 hari 2 malam
- ◆ **Hari Pertama:** Bermalam di Taman Kinabalu supaya kita bersedia untuk pendakian keesokan harinya.
- ◆ **Hari Kedua:** Mendaki dari Timpohon Gate (permulaan pendakian) ke paras 11,000 - 11,500 kaki dari aras laut. Bermalam di rumah rehat yang disediakan.
- ◆ **Hari Ketiga:** Seawal jam tiga atau empat pagi kita akan meneruskan perjalanan ke puncak (Low's Peak). Setelah puas di puncak anda dikehendaki turun semula hingga ke Timpohon Gate.

Disediakan oleh: Mohd Esuadi Mustaffa  
Pembantu Perpustakaan Kanan



## KEADAAN SEMASA PENDAKIAN

➤ Pada peringkat awal pendakian kita akan melalui jalan-jalan kecil yang mempunyai anak-anak tangga yang dibentuk berdasarkan bentuk muka bumi dan akar-akar pokok.

➤ Cuaca yang cerah boleh menjadi berkabus dan hujan dengan sekelip mata. Sentiasalah bersedia dengan baju hujan. Sebaik-baiknya kita bungkus pakaian di dalam beg plastik sebelum dimasukkan ke dalam beg.

Sepanjang laluan ada disediakan beberapa pondok tempat berehat dan tangki air untuk mengisi botol

➤ Kebanyakan pendaki mengalami pening-pening dan ada yang muntah semasa mendaki. Jangan lupa membawa ubat yang berkaitan.

➤ Semakin tinggi kita mendaki, kita akan berasa semakin cepat letih. Ini adalah disebabkan kandungan oksigen di udara semakin nipis.

➤ Hidung akan cepat berair dan kita mungkin akan menghidap selsema. Ini adalah disebabkan udara yang sejuk dan lembap.

Kebanyakan pendaki akan hilang selera makan. Bagaimanapun kita dinasihatkan supaya makan untuk mengembalikan semula tenaga.

➤ Keadaan persekitaran yang sejuk boleh menyebabkan penguncupan pada otot betis secara tiba-tiba. Ia boleh menyebabkan kekejangan otot (*cramp*). Kita dinasihatkan supaya membawa ubat yang berkaitan dan kurangkan berhenti berehat semasa berjalan. Biarlah berjalan perlahan-lahan daripada terpaksa mengalami kekejangan otot.

➤ Permukaan batu granit adalah licin (terutama apabila hujan). Anda dinasihatkan supaya berhati-hati, jangan berlari-lari dan pakailah kasut yang bertapak getah.



Antara kelengkapan asas untuk mendaki.



“Semoga pendakian ini memberi panduan kepada para pembaca”.



# HARI ANUGERAH KUALITI DAN INOVASI 2016

TARIKH : 6 Mei 2016

TEMPAT : Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kampus Gambang



*Sekalung tahniah buat Perpustakaan UMP kerana telah menerima Anugerah Hadiah Persekitaran Berkualiti (Amalan 5S) (Kategori Pengurusan Amalan 5S Terbaik) bersempena Hari Kualiti & Inovasi UMP 2016.*

*Piala dan Sijil Penghargaan Anugerah Persekitaran Berkualiti 5S*



Barisan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

## Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

1. Encik Iswan Akim Ismail
2. Puan Noorul Farina Arifin
3. Puan Nor Nadia Shahida Zakria
4. Puan Faizatul Nadia Mohd Amran
5. Encik Mohd Zulkhairi Abd Rahim
6. Encik Shahril Johari

**WADAH**

**TAHNIAH!!**



En. Muhammed Fawwaz bin Abdul Rasid  
Isteri Pn. Noor Fateeha bt Mohamad  
23/4/2016



Muhammad Wafiq bin Noorazli  
02/05/2016  
Anak kepada En. Noorazli bin Othman



Farah Medina bt Muhamad Marzuqi  
05/05/2016  
Anak kepada Pn. Nor Farhana bt Abdul Kadir



Nur Az Zahra bt Shahril  
29/01/2016  
Anak kepada En. Shahril bin Johari


**SELAMAT MAJU JAYA**



CIK NOOR ASMA BT AKHIR  
TEMPOH BERKHIDMAT:  
( 26/05/2015 - 29/3/2016 )



CIK MARLIANA BT MUSA  
TEMPOH BERKHIDMAT:  
( 16/11/2015 - 29/03/2016 )





# PRELOVED GIVE & SALE



**PELBAGAI  
JUALAN**

@  
**PERPUSTAKAAN UMP**



**KAMPUS PEKAN  
25-27 MEI 2016**

**DAPATKAN BARANGAN SECARA  
PERCUMA @ BELIAN  
PADA HARGA TERENDAH!!!**



ANJURAN JAWATANKUASA AMALAN 55 PERPUSTAKAAN UMP

**AKAN DATANG ...**

## KOLOKSIUM PUSTAKAWAN 2016

**25** **10<sup>00</sup> PG - 01<sup>00</sup> TH**  
**MEI** Bilik Seminar 2, Aras 2,  
2016 Perpustakaan UMP Pekan

**TEMA**

"KE ARAH  
PEMANTAPAN  
PROFESIONALISMA  
PUSTAKAWAN"

### PENYAMPAI

**EN. DZULL ZABARROD AHMAD (UMP)**  
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN

- Sistem Indeks Perpustakaan

**PN. HAJJAH SITI AISHAH GHANI (UMP)**  
PUSTAKAWAN KANAN

- Kreativiti dan Inovasi dalam Bekerja

**PN. SAHANIZA IBRAHIM (UIAM)**  
PUSTAKAWAN KANAN

- Peranan Pustakawan dalam Pembinaan Bangunan  
Perpustakaan Baharu dan Proses Pemindahan  
dalam Perspektif UIAM Kuantan

ANJURAN



ANJURAN  
BERSAMA



Persatuan  
Pustakawan Malaysia  
Kawasan Timur (PPMT)



